



Peranan media massa penting dalam pelaksanaan dasar kerajaan

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Januari 26, 2023 @ 1:40pm
fidahruzki@bh.com.my

PUTRAJAYA: Media massa bukan sekadar berperanan menyampaikan maklumat dan dasar kerajaan, sebaliknya juga penting sebagai medium mendapatkan maklum balas keberkesanan pelaksanaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata tugasnya yang turut memegang portfolio Kemajuan Desa dan Wilayah menuntut pendekatan baharu dalam menjayakan agenda kumpulan sasaran.

"Dalam konteks pejabat saya dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, terlalu banyak agenda yang telah, sedang dan akan dilaksanakan melalui pendekatan baharu untuk kumpulan sasaran sedia ada bagi dilaksanakan secara efektif.

"Kita harus melihat dari segi keberkesanan kepada kos atau belanjawan yang diberikan oleh kerajaan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan.

"Pelaksanaannya bukan hanya berdasarkan kepada 'output', berapa program yang dilaksanakan tetapi sejauh mana keberkesanan program yang dilaksanakan," katanya pada sidang media selepas program Santai Pagi Timbalan Perdana Menteri dengan pengurusan tertinggi Kumpulan Media Prima Berhad (Media Prima) diketuai Pengerusinya, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid dan Pengarah Urusan Kumpulan, Rafiq Razali.

Yang turut hadir, Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press Malaysia Berhad (NSTP) merangkap Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Timbalan Pengarang Kumpulan Jabatan Berita dan Ehwal Semasa, Rangkaian Televisyen Media Prima, Azhari Muhidin serta Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan dan Pejabat Pengerusi Kumpulan, Azlan Abdul Aziz.

Ahmad Zahid berkata media berperanan menghidangkan maklumat daripada kerajaan kepada khalayak sama ada penonton, pembaca atau mereka yang mengikuti media digital.

Beliau berkata, dalam konteks KKDW, maklumat berkenaan agensi di bawahnya, yang mempunyai hubungan rapat dengan rakyat, seperti sektor pendidikan daripada prasekolah hingga ke universiti dan beberapa bidang keutamaan lain, harus dikongsi.

Berikutan itu, beliau berkata, pihaknya bersedia mengeratkan lagi kerjasama dengan pihak media, khususnya Media Prima.